

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Kontak rapat ada dos penggalak tak perlu kuarantin mulai 1 Mac

Oleh Rafidah Mat Ruzki
dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) memutuskan individu yang menjadi kontak rapat, namun sudah mendapatkan dos penggalak serta tidak bergejala, tidak perlu lagi men-

jalani kuarantin berkuat kuasa 1 Mac ini.

Bagaimanapun, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, individu berkenaan perlu menjalani ujian sendiri (RTK) pada hari pertama dan ketiga tarikh akhir mereka terdedah dengan kes positif berkenaan.

"Sekiranya ujian yang dija-

lankan itu negatif, individu ini boleh lakukan urusan seperti biasa, manakala mereka yang positif pula perlulah melaporkan dalam aplikasi MySejahtera dan menjalani tempoh isolasi.

"Bagi individu yang lengkap dos vaksin tetapi belum menerima dos penggalak, mereka kekal perlu menjalani kuarantin da-

lam tempoh lima hari," katanya dalam sidang media semalam.

Dalam perkembangan berkaitan juga, Khairy berkata, KKM melanjutkan tempoh pemberian dos penggalak sehingga 31 Mac ini kepada individu yang menerima vaksin jenis Sinovac.

Beliau berkata, sebelum ini pihaknya memutuskan mana-

mana individu berusia 60 tahun ke atas yang menerima vaksin jenis Sinovac perlu mendapatkan dos penggalak berkenaan sebelum 28 Februari ini sebelum status vaksinasi dalam aplikasi MySejahtera sebagai tidak lengkap.

Nasional 6

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kaedah ambil sampel pengaruhi keputusan

Ujian sendiri
positif, negatif
bergantung
sensitiviti kit
digunakan

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Penggunaan kaedah pengambilan sampel dalam ujian sendiri COVID-19, mempunyai pengaruh kepada keputusan, sama ada seseorang itu positif mahupun negatif.

Pakar virologi Institut Perubatan dan Pergigian Terma Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Muhammad Amir Yunus, berkata status mereka yang dijangkiti virus SARS-CoV-2 yang mengakibatkan COVID-19 yang didapati negatif selepas menjalani ujian sendiri, bergantung kepada sensitiviti jenis ujian yang dijalankan.

Beliau berkata, ia juga bergantung kepada kit ujian sendiri yang digunakan, yang mempunyai tahap sensitiviti agak rendah, berbanding dengan ujian RT-PCR yang dijalankan di makmal.

"Terutama ujian sendiri juga bergantung kepada kaedah yang tepat dalam mendapatkan sampel," katanya kepada BH.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kebimbangan orang ramai bahawa ada individu yang menjadi pembawa atau carrier sehingga ia mampu menjangkiti individu lain tanpa disedari.

Dr Muhammad Amir berkata, ada juga kemungkinan individu

itu sendiri sebenarnya positif tetapi jumlah bebanan virus dalam badan mereka amat rendah berikutan mempunyai sejarah pengambilan vaksin dan mempunyai sistem tindak balas imun yang amat baik.

Beliau berkata, dalam keadaan itu, kit ujian sendiri berkeungkinan terlepas daripada mengesan virus yang amat rendah ini.

Pun begitu, Dr Muhammad Amir berpendapat, penggunaan kit ujian sendiri adalah baik, walaupun mempunyai sisi kelemahan kerana ia menjadi alat pengesan kepada jangkitan.

"Pada pendapat saya dengan pemberian vaksin kita yang baik, ditambah dengan varian yang berkitar kini diketahui tidak menyebabkan penyakit yang teruk kecuali terhadap golongan rentan dan berisiko tinggi dengan komorbid."

"Dengan penularan yang tidak dapat lagi kita bendung, maka kita hanya perlu beri perhatian kepada jumlah penggunaan wad Unit Rawatan Rapi (ICU) di hospital. Jika jumlah naik secara mendadak, mungkin tindakan drastik adalah perlu," katanya.

Pada masa sama, Dr Muhammad Amir juga bersetuju dengan cadangan untuk Klinik Kesihatan atau Klinik Desa boleh memberikan ujian secara percuma kepada individu yang mendapatkan mereka negatif tetapi masih lagi bergejala sebagai langkah untuk mengelakkan penularan COVID-19, namun, beliau tidak yakin cadangan itu dipersetujui oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dalam keadaan sedia ada.

"Pada pengetahuan saya, banyak ujian tertunda ketika ini," katanya.

Bercakap mengenai istilah carrier atau pembawa, Dr Muhammad Amir berkata, ia merujuk kepada seseorang yang dijangkiti sesuatu virus yang kemudian virus berkenaan berputar tanpa melalui proses pengandaian.

Ia akan berada dalam tubuh perumah sehingga tiba kepada persekitaran yang sesuai iaitu penurunan dalam sistem imun badan yang mengaktifkan pengandaian semula virus berkenaan.

Katanya, apabila keadaan itu berlaku, ia boleh menyebabkan wujud gejala atau ada juga yang tidak bergejala.

"Pada kebiasaannya ada kumpulan virus yang mempunyai keupayaan ini, biasanya virus yang genomnya adalah asid deoksiribonukleik (DNA) dan sebahagian virus asid ribonukleik (RNA) seperti HIV."

"Coronavirus adalah kumpulan virus RNA yang diketahui tidak mempunyai keupayaan berkenaan untuk 'latent' (terpendam) dalam perumah. Justeru, hampir tiada kemungkinan untuk menjadi pembawa," katanya.

Sementara itu, bagi Pakar Kesihatan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, amalan pencegahan kesihatan dan kebersihan diri serta mengelakkan daripada jangkitan berlaku yang sering diulang-ulang oleh pakar perubatan antara lain bagi mengelakkan daripada seseorang yang tidak mengetahui diri mereka sudah dijangkiti daripada menjangkiti orang lain.

Beliau berkata, dalam keadaan ramai daripada populasi negara yang sudah menerima

vaksinasi, ada kemungkinan mereka dijangkiti tetapi berada dalam kategori 1 dan tidak bergejala.

"Ada juga mungkin yang tidak mengambil vaksin tetapi imun badan yang kuat menyebabkan mereka tidak menunjukkan simptom. Mereka mungkin beranggapan mereka sihat tetapi akhirnya menjangkiti orang lain."

"Itu sebabnya kita menasihati orang ramai mengelakkan kerap pulang ke kampung misalnya, atau melindungi ahli keluarga dengan mengambil vaksin."

"Pengambilan vaksin tidak bermakna seseorang tidak boleh dijangkiti, tetapi kesannya lebih rendah berbanding mereka yang tidak mengambil langsung," katanya.

Dr Sharifa Ezat berkata, apa yang perlu diingati ialah golongan rentan seperti kanak-kanak yang berusia bawah lima tahun dan yang belum menerima vaksinasi terhadap COVID-19 serta orang tua dan yang mempunyai masalah komorbid adalah mereka yang perlu dilindungi daripada jangkitan wabak itu.

Oleh itu, katanya, seseorang perlu memastikan mereka berada dalam keadaan sihat sebelum mengunjungi ibu bapa di kampung atau pulang ke rumah.

Selain itu, beliau berkata, cadangan untuk ujian sendiri disusuli dengan ujian secara klinikal di makmal mungkin akan menyukarkan berikutan kos yang tinggi.

Beliau berkata, jika seseorang mahu menjalani ujian RT-PCR ia menuntut kos tinggi selain bukan semua klinik yang mempunyai keupayaan sedemikian kerana ia memerlukan mesin khas untuk mendapatkan keputusan.

Status mereka yang dijangkiti virus SARS-CoV-2 yang mengakibatkan COVID-19 yang didapati negatif selepas menjalani ujian sendiri, bergantung kepada sensitiviti jenis ujian yang dijalankan

Dr Muhammad Amir Yunus, Pakar virologi Institut Perubatan dan Pergigian Terma USM



Pengambilan vaksin tidak bermakna seseorang tidak boleh dijangkiti, tetapi kesannya lebih rendah berbanding mereka yang tidak mengambil langsung

Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, Pakar Kesihatan Awam UKM



"Jika mereka mahu menjalani ujian RTK-Antigen di klinik pula, sama saja dengan kit ujian sendiri yang dijalankan di rumah."

"Namun, mungkin akan sampai satu tahap apabila teknologi itu lebih mudah diperolehi dan lebih banyak fasiliti kesihatan yang mampu menawarkan perkhidmatan ujian saringan RT-PCR," katanya.

Beliau berkata, majikan juga boleh membantu untuk membolehkan pekerja masing-masing mendapatkan kit ujian sendiri berkualiti dengan harga yang rendah atau secara percuma melalui pembelian secara pukal.

KKM kaji sumbang stok vaksin kepada negara luar

Dari Muka 1

"Penerima vaksin Sinovac yang berusia 60 tahun ke atas perlu dapatkan dos penggalak bagi mengekalkan status lengkap dalam MySejahtera."

"Tempoh masa sebelum ini kita beri sehingga 28 Februari, namun kita lanjutkan sehingga 31 Mac ini bagi memudahkan mereka mendapatkan dos penggalak berkenaan," katanya.

Beliau berkata, bermula 1 April ini, sekiranya mereka masih belum mendapatkan dos penggalak

berkenaan status vaksinasi lengkap golongan ini akan ditukar sebagai tidak lengkap dalam MySejahtera.

Sementara itu, Khairy berkata, pengumuman mengenai pembukaan sempadan negara akan diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Kerajaan sudah ada tarikh pembukaan semula sempadan negara dan ia akan diumumkan oleh Perdana Menteri," katanya.

BH sebelum ini melaporkan, prosedur operasi standard (SOP)

mengenai pembukaan sempadan negara akan diumumkan dalam tempoh terdekat.

Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin, dilaporkan berkata ketika ini, KKM sedang menyedekahkan dan memperhalusi SOP berkenaan sebelum ia diumumkan kelak.

Sempadan negara ditutup bermula 18 Mac 2020 kira-kira dua bulan selepas Malaysia mencatatkan kes pertama COVID-19 pada 25 Januari 2020.

Sementara itu, Khairy berka-

ta, KKM akan mempertimbangkan cadangan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) untuk menggunakan stok vaksin sedia ada yang berada dalam simpanan pihaknya untuk disumbangkan kepada negara luar.

Katanya, setakat ini beliau belum memuktamadkan negara mana yang akan menerima vaksin berkenaan.

"Saya melalui Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) menerima laporan setiap minggu berkaitan stok vaksin ber-

kenaan, termasuklah berkaitan tarikh luput.

"Kita tidak pernah buang vaksin berkenaan, semuanya digunakan sebelum tarikh luput. Sekiranya perlu, kita akan membuat sumbangan ke negara luar seperti Bangladesh dan Laos," katanya.

Sebelum ini, sebuah portal melaporkan Malaysia mungkin terpaksa 'membuang' hampir setengah juta dos vaksin COVID-19 jenis AstraZeneca-Oxford yang tarikh luputnya tamat Mei ini.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19



Pekerja membuat persiapan untuk membuka semula Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Bersepadu di MAEPS, Serdang. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Pusat kuarantin MAEPS kembali beroperasi

Buat permulaan PKRC tempatkan 100 katil, akan ditambah ikut keperluan

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Bersepadu (PKRC) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang akan beroperasi kembali bermula hari ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata untuk permulaan PKRC itu akan menempatkan 100 katil dan ia akan ditambah mengikut keperluan sehingga 850 katil.

Beliau berkata, pengoperasian semula PKRC itu bagi merawat pesakit COVID-19 berisiko rendah dan itu adalah antara strategi yang diambil oleh pihaknya ketika penularan gelombang Omicron.

"Pembukaan semula PKRC ini bukannya kerana kita tidak cu-

kup katil di hospital, tetapi kita tidak mahu mengganggu perkhidmatan hospital di Lembah Klang yang memberi rawatan kepada pesakit bukan COVID-19 terutamanya kes elektif yang terganggu di hospital berkenaan," katanya pada sidang media, semalam.

Sementara itu, Khairy berkata, bagi penerima vaksin primer Sinovac berusia 18 tahun ke atas dan warga emas berusia 60 tahun ke atas yang menerima semua jenis vaksin, perlu mendapatkan dos penggalak untuk mengekalkan status vaksinasi lengkap mereka.

"Tempoh masa yang ditetapkan sebelum ini iaitu 28 Februari ini, kini dilanjutkan sehingga 31 Mac ini.

"Bermula 1 April ini, status vaksinasi lengkap akan ditukar kepada tidak lengkap jika masih belum mendapat dos penggalak," katanya.

Ketua Pengarah Agensi Penguurusan Bencana Negara (NADMA), Datuk Dr Aminuddin Hassim, pula berkata kerajaan menyusun semula strategi di PKRC MAEPS dan lokasinya juga berubah dari blok asal yang digunakan sebelum ini.

Katanya, sepanjang 14 bulan beroperasi sebelum ini, seramai

166,072 pesakit COVID-19 dirawat di kemudahan itu, sekali gus meringankan beban hospital di Semenanjung.

Dalam pada itu, beliau berkata, NADMA tetap bersedia untuk membantu Kementerian Kesihatan (KKM) dalam menangani kenaikan kes di 43 PKRC di setiap negeri.

Selain itu, sebanyak 31,199 kes baharu COVID-19 dilaporkan kelmarin, angka tertinggi sejak pandemik melanda, menjadikan jumlah kumulatif kini mencecah 3,305,157 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah itu, 99.38 peratus atau 31,005 kes adalah pesakit kategori satu dan dua iaitu tidak mempunyai gejala dan bergejala ringan, manakala 194 kes atau 0.62 peratus kategori tiga hingga lima yang mempunyai radang paru-paru, memerlukan alat bantuan pernafasan dan kritikal.

Beliau berkata, pesakit kategori dua mencatatkan jumlah tertinggi, dengan 20,834 kes atau 66.78 peratus, diikuti pesakit dalam kategori satu dengan 10,171 kes (32.60 peratus), kategori tiga (102 kes) dan masing-masing 46 kes dalam kategori empat dan lima.

Risiko tinggi jangkitan cacing 'strongyloides'

Kota Bharu: Bekas pesakit tahap empat dan lima COVID-19 yang dirawat dengan ubat antiviral dan steroid sepanjang tempoh rawatan jangkitan pandemik itu, berdepan risiko lebih tinggi mendapat jangkitan cacing 'strongyloides'.

Selama ini, cacing strongyloides adalah sejenis parasit yang unik dan berpotensi menyebabkan penyakit yang teruk dijumpai pada pesakit kanser, terutama mereka yang menerima rawatan steroid.

Pensyarah perubatan yang juga Pakar Mikrobiologi dan Parasitologi, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr Zeehaida Mohamed, berkata cacing strongyloides berupaya menyebabkan jangkitan hiperaktif dan kematian dalam kalangan pesakit itu.

"Ada pelbagai jenis cacing berpotensi menjangkiti manusia seperti cacing bulat, pipih dan pita.

"Sesetengah jangkitan cacing ditemui secara tidak sengaja pada pesakit yang dimasukkan untuk rawatan dengan gejala sakit perut, cirit-birit, batuk atau dalam kalangan kumpulan pesakit tertentu seperti kanak-kanak, pesakit kencing manis, kanser atau menerima rawatan steroid.

"Pada era pandemik COVID-19, pesakit kritikal tahap empat dan lima dirawat dengan ubat antiviral dan steroid sepanjang tempoh rawatan.

"Bagi pesakit yang sembuh, mereka mungkin berhadapan risiko yang lebih tinggi untuk mendapat jangkitan cacing strongyloides," katanya.

Dr Zeehaida berkata, secara am, rawatan bagi penyakit cacing sangat mudah dan hanya memerlukan satu atau dua dos ubat cacing 'albendazole' atau 'pyrantel pamoate'.

Beliau berkata, jika cacing strongyloides ditemui dalam badan manusia, ia memerlukan ubat lebih spesifik seperti 'Ivermectin' yang diberikan selama dua hari atau lebih.

"Bagaimanapun, jangkitan cacing terus wujud dalam golongan tertentu seperti pesakit kencing manis, kanser dan pesakit yang menerima steroid.

"Kitaran hidup cacing dalam perumah (hos) manusia melibatkan beberapa peringkat iaitu pengambilan makanan atau minuman yang tercemar, kemasukan telur atau larva cacing ke dalam hos, pembiakan cacing di dalam usus dan penularan jangkitan cacing di luar usus seperti di pundi hempedu, paru-paru dan organ lain," katanya.

661,752 kanak-kanak terima dos pertama

Kuala Lumpur: Seramai 661,752 orang atau 18.6 peratus populasi kanak-kanak berusia lima tahun hingga 11 tahun di Malaysia, sudah menerima dos pertama vaksin COVID-19 melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids), setakat kelmarin.

Berdasarkan laman web COVIDNOW, 14,274,843 individu atau 60.7 peratus populasi dewasa di negara ini menerima dos penggalak COVID-19 dan seramai 22,946,057 atau 97.5 peratus sudah melengkapkan vaksinasi, manakala 23,224,993 orang atau 98.7 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12 tahun hingga 17 tahun pula, seramai 2,799,465 individu atau 90 peratus daripada populasi itu sudah melengkapkan vaksinasi, manakala 2,889,543 orang atau

92.9 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Vaksinasi harian kelmarin menyaksikan 143,749 dos vaksin diberikan meliputi 47,876 dos pertama, 493 dos kedua dan 95,380 dos penggalak, menjadikan sejumlah 66,589,636 dos vaksin sudah diberikan di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, 65 kes kematian akibat COVID-19 direkodkan kelmarin, dengan Selangor melaporkan 10 kes, diikuti Sabah (sembilan), Johor (lapan), Perak (tujuh), masing-masing empat kes di Kedah, Melaka dan Pahang, masing-masing tiga kes di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur, manakala satu kes direkodkan masing-masing di Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis.

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19



Nancy (dua dari kiri) merasmikan Hari Kraf Kebangsaan (HKK) 2022 di Kompleks Kraf, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

MOTAC pastikan program ikut SOP lebih ketat

Langkah elak industri pelancongan terjejas lagi susulan kes naik mendadak

Oleh Taty Haryanti
Ahmad Razi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) akan memastikan majlis atau program berkaitan industri pelancongan yang berjalan ketika ini dilakukan dengan prosedur operasi standard (SOP) lebih ketat bagi memastikan industri itu tidak lagi terjejas.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata industri itu masih perlu diteruskan walaupun kes COVID-19 semakin meningkat setiap hari.

Katanya, ketika ini juga ramai yang memilih untuk tinggal di rumah kerana bimbang dengan keselamatan diri namun ia tidak menyebabkan sektor itu terjejas teruk.

"Namun, MOTAC masih perlu mencari cara yang terbaik untuk

memastikan sektor pelancongan bergerak seperti biasa.

"Justeru, kami berharap, Kementerian Kesihatan (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) terus memberi panduan bagaimana SOP perlu dipatuhi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kraf Kebangsaan 2022 (HKK 2022) di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia, Aidid Ibrahim.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, bagi acara Citrawarna Keluarga Malaysia 2022 yang diadakan mulai semalam di Kuching, Sarawak, pihaknya mengambil langkah memperketatkan SOP.

Katanya, antara SOP tambahan yang dilaksanakan sepanjang karnival empat hari itu adalah ujian saringan COVID-19 terhadap semua pengunjung yang hadir.

"Selain itu jika dilihat dari sudut industri perhotelan pula, ada pihak hotel membenarkan pelanggan yang dijangkiti COVID-19 pada tarikh tempahan hotel, menukar tarikh kerana memahami situasi dialami pelanggan mereka.

"Ini sudah pasti dapat memberi keyakinan kepada pemain industri yang ketika ini saya yakin

mereka juga bimbang dengan keadaan pandemik ini.

"Namun saya juga yakin selepas Perdana Menteri membenarkan sempadan negara dibuka semula, industri pelancongan negara pasti akan pulih seperti sedia kala semula tidak lama lagi," katanya.

Sementara itu, mengenai HKK 2022, Nancy yakin dengan penyertaan 300 usahawan dan komuniti kraf dari seluruh negara, ia mampu menjadi platform dalam meningkatkan pendapatan mereka yang terbabit.

Katanya, pihaknya juga menasaskan lebih 300,000 pengunjung akan hadir pada karnival yang diadakan mulai semalam sehingga 7 Mac ini dengan sasaran jualan berjumlah RM10 juta.

"Penganjuran HKK 2022 kali ke-19 ini secara tidak langsung dapat memberi pengiktirafan terhadap pembabit dan sumbangan usahawan, komuniti kraf serta penggiat kraf dalam pembangunan industri kraf negara.

"Penganjuran ini juga sebagai medium terbaik yang menghimpunkan usahawan kraf dari setiap pelusuk negeri untuk memasar dan mempamerkan hasil kraftangan tempatan dengan pelbagai rekaan terbaharu serta cita rasa moden dan kontemporari," katanya.

Penggunaan katil ICU di Kelantan cecah 83 peratus

Putrajaya: Kelantan menjadi negeri paling tinggi mencatatkan penggunaan katil di wad Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk rawatan pesakit COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata setakat ini pengisiannya sudah mencecah 83 peratus iaitu 36 katil disediakan dengan 30 daripadanya sudah digunakan.

Dr Noor Hisham berkata, selain itu terdapat empat lagi negeri mencatatkan pengisian melebihi 50 peratus iaitu 65 peratus masing-masing dicatatkan di Kuala Lumpur dan Johor, Melaka (58 peratus) serta Perlis (55 peratus).

"Bagi penggunaan katil di wad bukan ICU, setakat ini terdapat 12 negeri mencatatkan pengisian melebihi 50 peratus iaitu Kelantan dengan 101 peratus. Kelantan mempunyai 410 katil disediakan, namun penggunaannya kini melebihi 416.

"Selain itu, ialah Selangor dengan 97 peratus, Perak (90 pe-


ratus), Kuala Lumpur (87 peratus), Perlis (81 peratus), Putrajaya (77 peratus), Johor (75 peratus).

"Pahang dan Sabah masing-masing pengisian sebanyak 71 peratus, serta Pulau Pinang, Terengganu dan Sarawak sebanyak 52 peratus," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, bagi pengisian katil yang diletakkan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC), setakat ini ada tiga negeri dengan peratusan melebihi 50 peratus.

"Pengisian katil PKRC di Perak mencatatkan sebanyak 74 peratus, Melaka (60 peratus) dan Selangor (54 peratus).

"Selain itu, bagi pesakit COVID-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan, ia meningkat kepada 191 pesakit dan peratusan penggunaan alat berkenaan kini adalah 36 peratus daripada jumlah keseluruhan ventilator untuk pesakit COVID-19 dan bukan COVID-19," katanya.



Pegawai kedutaan UAE di Kuala Lumpur menyerahkan kumpulan kedua 500,000 vaksin kepada kerajaan Malaysia di KLIA, semalam. (Foto BERNAMA)

Malaysia terima 500,000 lagi vaksin sumbangan UAE

Putrajaya: Malaysia menerima kumpulan kedua 500,000 vaksin COVID-19 yang disumbangkan kerajaan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Penyerahan vaksin itu berlangsung di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) disempurnakan pegawai kedutaan UAE di Kuala Lumpur kepada pegawai dari Kementerian Luar, Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Pertahanan.

Kementerian Luar dalam kenyataan berkata, Malaysia sangat menghargai bantuan COVID-19 UAE, terutama sumba-

ngan vaksin yang secara langsung membantu usaha Malaysia menangani wabak itu.

"Sumbangan itu juga menandakan pencapaian penting kerjasama Malaysia dan UAE dalam bidang diplomasi kesihatan untuk menangani pandemik COVID-19," katanya.

Terdahulu, Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah, mengumumkan Malaysia menerima sumbangan satu juta dos vaksin COVID-19 jenis Sinopharm daripada UAE.

Kumpulan pertama sebanyak 500,000 itu diserahkan pada 25 Januari lalu.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

Keluarga bayi mati di HRPZ II ambil tindakan undang-undang

Kota Bharu: Keluarga bayi lelaki yang meninggal dunia ketika menerima rawatan di Hospital Raja Perempuan Zainab (HRPZ II) yang didakwa akibat kecuai, akan mengambil tindakan undang-undang terhadap hospital berkenaan.

Ibu mangsa, Rosilawati Ismail, 26, berkata tindakan akan diambil sebagai pembelaan terhadap kematian anak tunggalnya, Muhammad Hilman Firdaus Muhammad Hilmi yang berusia dua bulan pada Jumaat minggu lalu.

Beliau berkata, pihaknya sudah melantik peguam dan menyerahkan kepada pihak berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

Dakwanya terdapat beberapa perkara yang menyebabkan beliau tidak berpuas hati termasuk ketika anaknya menerima rawatan, susu yang diberikan hampir tamat tempoh selain anaknya diberi ubat tidur tanpa kebenaran.

"Apa yang saya lakukan ini adalah demi pembelaan kepada

kematian anak saya dan ketidakpuasan hati terhadap pihak hospital yang merawat anak.

"Walaupun pihak hospital sendiri sudah bertemu dengan kami untuk menjelaskan apa yang berlaku, namun kami tidak berpuas hati terhadap penjelasan yang diberikan.

"Malah, sehingga kini punca kematian anak belum dimaklumkan kepada kami dan pihak hospital memaklumkan perlu menunggu sehingga dua bulan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Menceritakan apa yang berlaku terhadap anaknya, Rosilawati mendakwa, anaknya mengalami cirit-birit pada 5 Februari dan dibawa ke HRPZ II sebelum ditempatkan di Unit Rawatan Rapi Pediatrik (PICU).

"Anak saya kemudiannya semakin sembuh pada 8 Februari dan dipindahkan ke wad biasa. Ketika berada di wad berkenaan, doktor meminta saya menukar susu anak yang dibekalkan pihak hospital dengan alasan anak saya

mengalami alahan.

"Saya dapati tarikh luput pada tin susu berkenaan bertarikh 12 Februari iaitu hampir tamat. Malah, ketika saya membancuh susu berkenaan, ia meragukan seolah-olah sudah basi.

"Apabila saya bertanyakan kepada doktor yang merawat anak saya berkaitan isu itu, doktor memaklumkan susu itu masih boleh digunakan sekiranya ia belum berkulat," katanya yang tampil membuat laporan polis pada Sabtu lalu.

Beliau berkata, anaknya kemball tidak sihat selepas beberapa hari sebelum diberi ubat tidur tanpa kebenaran.

"Pada masa sama, anaknya perlu berpuasa selama lima hari bermula 16 Februari dengan alasan perut anak perlu direhatkan sehingga menyebabkan anaknya sering menangis kelaparan.

"Disebabkan tidak berpuas hati, saya berurusan dengan pihak hospital untuk memindahkan anak ke hospital lain, namun tidak dibenarkan sebelum anak



Rosilawati dan suami menunjukkan gambar Muhammad Hilman yang meninggal dunia ketika menerima rawatan di HRPZ II.

(Foto Nor Fazlina Abdul Rahim/BH)

nya mengalami demam panas.

"Pada tengah hari 18 Februari, saya sempat membuat panggilan video dengan kakak yang menjaga anak dan ketika itu saya melihat anak menangis dengan muka yang lemah sebelum anak saya disahkan meninggal dunia

jam 4.30 petang pada hari berkenaan," katanya.

Beliau berkata, hancur luluh hatinya mengenangkan apa yang terjadi terhadap anaknya dengan luka pembedahan yang dia alami ketika bersalin pun belum lagi sembuh.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : LOKAL

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Seremban

Selepas sebulan dimasukkan ke wad bulan lalu akibat demam, Jahidah Nordin, 43, yang masih koma akibat dipukul suami sebelum ini disahkan positif Covid-19 pula.

Adiknya, Fauziah Nordin, 40, berkata, dia sekeluarga hairan kerana kakaknya itu didapati positif wabak berkenaan sedangkan tiada ahli keluarga dibenarkan masuk, malah individu yang masuk ke hospital juga sudah diperiksa terlebih dahulu.

"Pihak hospital memaklumkan kakak dipindahkan ke wad Covid-19 di Hospital Tuanku Jaafar (HTJ) Seremban, petang semalam.

"Berita ini agak mengejutkan dan kami bimbang lebih-lebih lagi dengan keadaan kakak yang tidak dapat bergerak dan bercakap. Sebelum ini dia juga alami demam dan muntah dan terpaksa terlantar di hospital selama sebulan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Fauziah berkata, apa yang

Positif Covid-19 dalam koma

Keluarga bimbang keadaan Jahidah tambah teruk tanpa sebarang suntikan vaksin

lebih membimbangkan adalah Jahidah belum mengambil sebarang vaksin Covid-19, sekali gus wabak berkenaan memberi kesan lebih teruk kepada kakaknya yang memang mengalami kesukaran untuk bernafas.

"Disebabkan itu pihak hospital memaklumkan yang Jahidah akan dipantau dalam tempoh 10 hari. Jadi kami berserahlah dan harapkan kakak akan pulih," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai cahaya mata Jahidah yang dilahirkan secara pembedahan ketika wanita itu masih koma, Fauziah berkata, J Eshan Nufail yang sudah berusia dua bulan berada dalam keadaan baik namun sedikit meragam



Berita ini agak mengejutkan dan kami bimbang lebih-lebih lagi dengan keadaan kakak yang tidak dapat bergerak dan bercakap. Sebelum ini dia juga alami demam dan muntah dan terpaksa terlantar di hospital selama sebulan"

Fauziah

kelmarin berkemungkinan kerana rindu kepada ibunya.

Namun, katanya, bayi ber-

kenaan tidur lena selepas diselamatkan dengan baju Jahidah.

Jahidah dikejarkan ke hospital dengan ambulans selepas tahap kesihatannya dilaporkan tidak stabil akibat demam, muntah dan nafasnya turun naik pada 21 Januari lalu.

Harian Metro pada Mei lalu melaporkan penjawat

awam berusia 43 tahun yang bertugas di sebuah jabatan kerajaan di Johor dilaporkan dikejarkan ke Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bharu, Johor selepas dipercayai dcederakan suaminya pada 4 Mei lalu.

Jahidah yang menetap di Johor Bahru koma disebabkan kecederaan parah pada kepala dengan tengkorak terpaksa dibuang akibat pendarahan selain rahang, tulang belakang serta rusuk retak dipukul suaminya yang berusia 38 tahun.



JAHIDAH (kiri) disahkan positif koronavirus dan dipindahkan ke wad Covid-19 HTJ.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Kuala Lumpur: Individu yang positif Covid-19 perlu mengemas kini gejala dialami di aplikasi MySejahtera setiap hari supaya tahap kesihatan mereka dapat dipantau sepanjang tempoh kuarantin.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin melalui

Kemas kini tahap kesihatan jika positif

video TikTok yang dikongsi di akaun Twitter beliau menasihati individu yang positif Covid-19 supaya menghubungi atau terus ke fasiliti kesihatan terdekat jika mendapati gejala

yang dialami semakin serius.

"Pantau gejala dan tahap kesihatan anda seperti sukar bernafas, demam berpanjangan, sakit dada dan hilang selera makan," ka-

tanya.

Beliau berkata, individu yang mendapati diri mereka bergejala perlu segera mengasingkan diri dan melakukan ujian sendiri.

"Jika positif, laporkan ke-

putusan ujian Covid-19 di MySejahtera. Semasa dalam tempoh kuarantin, anda akan menerima notifikasi pada (ruangan) Things To Do. Ini adalah alat penilaian kesihatan dan anda boleh

mengemas kini gejala yang anda alami sentiasa," katanya.

Khairy turut menasihati orang ramai supaya sentiasa mengamalkan TRIIS iaitu uji, lapor, asing, maklum dan dapatkan rawatan serta memakai pelitup muka.

- Bernama

MALAYSIA catat 31,199 kes baharu penularan Covid-19 kelmarin.



Katil ICU 83 peratus

Kelantan catat rekod tertinggi kegunaan fasiliti bagi kes Covid-19

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU) bagi merawat pesakit Covid-19 di Kelantan kini menghampiri 83 peratus dan tertinggi direkodkan setakat ini.

Kelantan antara lima negeri mencatatkan penggunaan katil di wad ICU bagi merawat pesakit Covid-19 melebihi 50 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, penggunaan katil ICU kedua tertinggi ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (65 peratus), Johor (65 peratus) diikuti Melaka (58 peratus) dan Perlis (55 peratus).

"Bagi katil bukan ICU, terdapat tiga negeri merekodkan penggunaan katil melebihi 90 peratus iaitu di Kelantan (101 peratus), Selangor (97 peratus) dan Perak (90 peratus).

"Bagi katil bukan ICU melebihi 50 peratus direkodkan di Kuala Lumpur iaitu 87 peratus, Perlis (81 peratus), Putrajaya (77 peratus), Johor (75 peratus), Pahang (71 peratus), Sabah (71 peratus), Pulau Pinang (52 peratus),

Terengganu (52 peratus) dan Sarawak (52 peratus)," katanya semalam.

Menurutnya, tiga negeri iaitu Perak (74 peratus), Melaka (60 peratus) dan Selangor (54 peratus) menunjukkan pengisian lebih 50 peratus bagi katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).

"Pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilator) meningkat kepada 191 pesakit.

"Peratusan penggunaan bantuan itu 36 peratus daripada keseluruhan ventilator untuk pesakit Covid-19 dan bukan Covid-19," katanya.

Dr. Noor Hisham berkata, terdapat perbezaan antara data harian kemasukan kes Covid-19 ke hospital berbanding kes jangkitan itu kategori 1 hingga 5 yang baru didiagnosis pada setiap hari.

Katanya, ia memandangkan keadaan klinikal pesakit yang dinamik dan mungkin merosot atau bertambah baik sepanjang dijangkiti Covid-19.

"Misalnya, ketika didiag-

nosa mungkin pesakit itu berada pada kategori 2A dan diisolasi di rumah melalui Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan di Rumah (HSO) digital, namun status kesihatan pesakit boleh merosot ke kategori 3 atau lebih yang memerlukan kemasukan ke hospital.

"Pada masa sama, terdapat juga kes Covid-19 berisiko tinggi dari kategori 1 dan 2 yang memerlukan kemasukan ke PKRC dan hospital sebagai langkah berjaga-jaga.

"Semalam (kelmarin), kes Covid-19 yang dimasukkan ke hospital adalah sebanyak 1,804 kes dan daripada jumlah

itu, 621 kes atau 34.4 peratus adalah kategori 3, 4, dan 5 dan 1,183 kes (65.6 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2," katanya.

Sementara itu, Dr. Noor Hisham berkata, negara merekodkan 31,199 kes baharu penularan Covid-19 kelmarin menjadikan jumlah keseluruhan individu dijangkiti virus berkenaan kini meningkat kepada 3,305,257 kes.

"Jumlah yang direkodkan itu membabitkan 31,080 kes

tempatan dengan 119 kes lagi adalah import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

"Sebanyak 99.38 peratus bersamaan 31,005 kes adalah pesakit Covid-19 dalam kategori satu dan dua iaitu tidak mempunyai gejala dan bergejala ringan.

"Pecahan daripada jumlah yang dinyatakan itu, sebanyak 20,834 kes adalah pesakit Covid-19 dalam kategori dua manakala 10,171 kes adalah pesakit kategori satu," katanya.

Katanya, selebihnya bagi kategori tiga terdapat 102 kes (0.32 peratus), kategori empat dengan 46 kes (0.15 peratus) serta bagi kategori lima adalah seramai 46 kes (0.15 peratus).

"Daripada jumlah keseluruhan 194 kes bagi pesakit kategori tiga hingga lima, 45 kes iaitu 23.20 peratus belum divaksinasi atau belum lengkap mendapatkan pelantikan berkenaan manakala 108 kes sudah menerima dua suntikan vaksin tanpa dos penggalak.

"Sebanyak 41 kes sudah menerima dos penggalak, berumur 60 tahun ke atas (92 kes), mempunyai komorbid (91 kes) dan ibu mengandung (tiga kes)," katanya.

Peguam Zizie Izette positif coronavirus

Kuala Lumpur: Mahkamah Sesyen di sini semalam menangguhkan perbicaraan kes rasuah dihadapi Ahli Parlimen Kinabatangan Datuk Seri Bung Mokhtar Radin dan isteri, Datin Seri Zizie Izette Abdul Samad berhubung pelaburan unit amanah Public Mutual Berhad selepas seorang peguam yang mewakili Zizie Izette disahkan positif Covid-19.

Peguam Ridha Abdah Subri yang hadir bagi pihak Bung Mokhtar dan Zizie Izette memberitahu Hakim Rozina Ayob bahawa peguam itu yang mewakili terduduh kedua (Zizie Izette) disahkan positif pada 20 Februari dan dikuarantin hingga 26 Februari ini.

"Seorang lagi peguam yang mewakili Zizie Izette iaitu Datuk K Kuma-raendran dan M

Athimulan yang mewakili Bung Mokhtar adalah kontak rapat kepada peguam berkenaan serta kedua-dua peguam itu turut dikuarantin," kata Ridha Abdah.

Pasangan suami isteri itu hadir pada prosiding semalam.

Semalam ditetapkan untuk mendengar permohonan pendakwaan untuk menyoal balas seorang saksi utamanya, Norhali Ahmad Mokhtar, 45, yang juga saksi pendakwaan ke-25 dalam perbicaraan kes rasuah berkenaan.

Rozina kemudian menetapkan 3 Mac ini untuk mendengar permohonan pendakwaan yang dibuat mengikut Seksyen 154 Akta

Keterangan 1950.

Prosiding itu turut dihadiri Timbalan Pendakwa Raya Law Chin How.

**Mahkamah
dengar permohonan
pendakwaan 3 Mac ini**

55 kes kematian akibat Covid-19 kelmarin

Kuala Lumpur: Sebanyak 661,752 individu atau 18.6 peratus populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di Malaysia menerima dos pertama vaksin Covid-19 mereka melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PI-CKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web COVID-NOW, sejumlah 14,274,843 individu atau 60.7 peratus populasi dewasa di negara ini menerima dos penggalak Covid-19 dan seramai 22,946,057 atau 97.5 peratus melengkapkan vaksinasi mereka manakala 23,224,993 atau 98.7 peratus menerima sekurang-lurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula, sebanyak 2,799,485 individu atau 90.0 peratus daripada populasi itu melengkapkan vaksinasi mereka, manakala 2,889,543 atau 92.9 pe-

ratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Vaksinasi harian kelmarin menyaksikan 143,749 dos vaksin diberikan meliputi 47,876 dos pertama, 493 dos kedua dan 95,380 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 66,589,636.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, 55 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin dengan Selangor melaporkan 10 kes, diikuti Sabah (9), Johor (8), Perak (7), masing-masing empat kes di Kedah, Melaka dan Pahang, masing-masing tiga kes di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur, manakala satu kes direkodkan masing-masing di Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

MALAYSIA CATAT REKOD BAHARU KORONAVIRUS

31,199 jangkitan



PETUGAS membuat persiapan untuk membuka semula Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Bersepadu (PKRC) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps), Serdang, semalam. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

Oleh Noor Atiqah
Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Buat pertama kalinya kes harian Covid-19 di negara ini merekodkan angka tertinggi baharu iaitu sebanyak 31,199 kes jangkitan, kelmarin.

Kes tertinggi pernah direkodkan di Malaysia sebelum ini adalah pada 19 Februari lalu membabitkan sebanyak 28,825 kes.

Mengulas mengenai jum-

lah kes jangkitan kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata, sejumlah 31,080 kes adalah penularan tempatan dengan 119 kes lagi adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.

"Daripada jumlah itu sejumlah 99.38 peratus atau 31,005 kes adalah pesakit kategori satu dan dua iaitu tidak mempunyai gejala dan bergejala ringan. Sementara 194 kes iaitu 0.62 peratus adalah pesakit dalam kategori tiga hingga lima yang

mempunyai radang paru-paru, memerlukan alat bantuan pernafasan dan kritikal," katanya, semalam.

Perkembangan itu menjadikan sehingga kini jumlah keseluruhan individu yang pernah dijangkiti virus berkenaan kini meningkat kepada 3,305,157 kes.

Dr Noor Hisham berkata, mengikut pecahan kes Covid-19 yang dikesan kelmarin, pesakit dalam kategori dua mencatatkan jumlah tertinggi dengan 20,834 kes atau 66.78 peratus.

"Ia diikuti pesakit dalam

kategori satu dengan 10,171 kes (32.60 peratus), kategori tiga (102 kes) dan masing-masing 46 kes dalam kategori empat dan lima," katanya.

Bagi pesakit Covid-19 dalam kategori tiga hingga lima, Dr Noor Hisham berkata sebanyak 153 kes atau 78.87 peratus adalah dalam kalangan mereka yang belum mendapatkan vaksinasi atau belum lengkap divaksinasi atau sudah menerima dua dos vaksin Covid-19 namun belum menerima dos penggalak.

243 disah positif sehingga kini

Kuala Terengganu: Seramai 243 pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Terengganu termasuk ahli keluarga dan kakitangan awam positif Covid-19 setakat ini.

Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Terengganu Asisten Komisyoner Noor Halim Nordin berkata, daripada jumlah itu, seramai 105 orang terdiri daripada pegawai dan anggota manakala selebihnya terdiri daripada keluarga dan kakitangan awam.

Beliau berkata, Ketua Polis Terengganu, Datuk Rohaimi Md Isa dan Timbalan Ketua Polis (TKP) Terengganu, Senior Asisten Komisyoner Wan Rukman Wan Hassan antara yang disahkan positif.

"Datuk (KP) kini pulih sepenuhnya dan dijangka memulakan tugas minggu depan manakala TKP dan semua yang dijangkiti Covid-19 juga berada dalam keadaan baik.

"Semua yang dijangkiti berada pada tahap satu dan dua kini menjalani kuarantin di rumah.

"Hanya dua orang iaitu isteri kepada seorang anggota dan anak kepada kakitangan awam masing-masing berada di Hospital Sultanah Nur Zahirah



Semua yang dijangkiti berada pada tahap satu dan dua kini menjalani kuarantin di rumah"

Noor Halim

Kuala Terengganu dan Hospital Setiu kerana hamil dan mengalami sakit," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Noor Halim berkata, secara keseluruhannya, peratusan yang dijangkiti Covid-19 dengan kekuatan yang ada di Kontinjen Terengganu masih rendah.

Katanya, di Kontinjen Terengganu, terdapat kira-kira 4,000 orang dan jumlah mereka yang positif masih terkawal.

"Sebagai contoh, di peringkat Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu (IPK) sahaja, hanya 6.5 peratus daripada 152 pegawai, 2.3 peratus daripada 554 anggota dan 1.8 peratus daripada 166 kakitangan awam disahkan positif.

"Berdasarkan jumlah ini, keadaan masih terkawal dan pengoperasian serta pengurusan di Kontinjen Terengganu berjalan dengan lancar," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA



PETUGAS kesihatan bersiap sedia menerima pesakit di PKRC MAEPS, Serdang semalam. — FAISOL MUSTAFA

Rekod tertinggi penularan 31,199 kes

PUTRAJAYA — Negara merekodkan kes jangkitan harian Covid-19 melebihi angka 30,000 dengan 31,199 kes kelmarin, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 3,283,825.

Angka tersebut adalah yang tertinggi dicatatkan sejak pandemik Covid-19 melanda negara malah sepanjang tahun lalu, Malaysia tidak pernah merekodkan jangkitan harian Covid-19 melebihi 30,000.

Berdasarkan data pada laman web COVIDNOW, daripada jumlah kes harian dilaporkan kelmarin, sebanyak 119 kes adalah kes import.

"Mengikut pecahan negeri-negeri, kes harian tersebut dilaporkan di Selangor (7,775 kes), Sabah (3,970 kes), Kedah (2,670 kes), Pulau Pinang (2,575 kes), Johor (2,269 kes), Kuala Lumpur (2,157 kes) dan Kelantan (2,130 kes).

"Seterusnya, Negeri Sembilan (1,997 kes), Pahang (1,555 kes), Perak (1,203 kes), Terengganu (770 kes), Melaka (600 kes), Labuan (498 kes), Sarawak (419 kes), Perlis (303 kes) dan Putrajaya (189 kes)," katanya.

Dalam masa sama, terdapat 55 kes kematian dilaporkan dengan jumlah kematian terkini

sebanyak 32,488 kes, manakala sebanyak 23 kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) dengan jumlah kes BID sebanyak 6,629 kes.

Sebanyak 277,829 kes aktif dilaporkan melibatkan 265,339 kes dikuarantin di rumah, 4,460 kes di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), 7,725 kes di hospital, 114 kes di Unit Rawatan Rapi (ICU) tanpa bantuan pernafasan dan 191 kes di ICU dengan bantuan pernafasan.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 194 kes atau 0.62 peratus daripada 31,199 kes jangkitan Covid-19 yang dilaporkan kelmarin melibatkan kategori tiga, empat dan lima.

"Daripada jumlah kes kategori tiga, empat dan lima, sebanyak 153 kes (78.87 peratus) tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi atau telah menerima dua dos vaksin Covid-19 tetapi belum menerima dos penggalak.

"Sebanyak 31,005 kes pula atau 99.38 peratus daripada jangkitan harian semalam terdiri daripada kategori satu dan dua," tambahnya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NEGARA

Yakinlah anak lebih selamat dengan vaksin



SEJAK kerajaan memperkenalkan program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) bermula awal Februari lalu, pelbagai reaksi diterima dalam kalangan ibu bapa.

Walaupun ibu bapa tidak dipaksa menyertai program itu, namun pilihan yang diberikan itu membuatkan segelintir ibu bapa berada dalam keadaan dilema.

Jika tidak divaksin, akan terdedah dengan risiko jangkitan Covid-19. Kalau divaksin pula, takut memberi kesan sampingan.

Lebih membimbangkan apabila sebanyak 174 kes kanak-kanak bawah usia 18 tahun dilaporkan mengalami *Multi System Inflammatory Syndrome in Children* (MIS-C) akibat jangkitan Covid-19 sehingga Disember lalu.

Seorang ibu yang mahu dikenali sebagai Sofah, 33, mengakui terpaksa 'merelakan' anaknya yang berusia 10 tahun menerima suntikan vaksin PfizerBioNTech kerana bimbang jika anaknya dijangkiti Covid-19.

Kata Sofah, dia perlu yakin kerana lebih risau jika anaknya

mendapat masalah yang lebih teruk jika dijangkiti Covid-19 tanpa perlindungan vaksin.

"Saya risau, tetapi saya tiada pilihan daripada membiarkan anak saya tidak dilindungi dengan vaksin Covid-19. Umpama saya pentingkan diri sendiri," katanya.

Seorang lagi ibu, Siti Hajar Maryam, 34, pula berpendapat, kanak-kanak seawal usia lima tahun dianggap masih terlalu 'mentah' untuk diberikan suntikan vaksin Covid-19.

Bagaimanapun katanya, situasi yang berlaku hari ini menuntut ibu bapa untuk memberi perlindungan pada anak mereka sekaligus memikirkan tentang perkara buruk yang bakal berlaku pada masa akan datang.

"Saya memandang perkara yang akan berlaku di masa hadapan. Bagaimana jika masa akan datang hanya anak saya sahaja yang belum divaksin? Anak saya mungkin akan 'disisihkan' atau berdepan dengan masalah kerana tidak divaksin," ujarnya.

Pendapat berbeza disuarakan oleh seorang ibu dikenali sebagai Ekin, 33, apabila tekad untuk tidak memberikan suntikan vaksin kepada anak-anaknya kerana bimbang masalah lain akan timbul di kemudian hari.

Kata Ekin, walaupun dos suntikan vaksin dikurangkan, namun bahan yang digunakan tetap

sama. Malah, sistem pertahanan kanak-kanak juga tidak sekuat orang dewasa.

"Selagi ada cara lain, saya tidak akan benarkan anak-anak saya divaksin. Saya akan pastikan anak-anak menjaga kebersihan, jaga penjarakan fizikal dan kurangkan aktiviti di luar rumah. Saya tidak mahu ambil risiko," katanya.

Walaupun kerajaan tidak mewajibkan suntikan vaksin terhadap kanak-kanak, namun pengamal perubatan menyarankan ibu bapa supaya peka dengan keadaan semasa untuk memberikan perlindungan untuk anak-anak mereka.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Unit Kesihatan, Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Dr. Siti Nurbaya Abdul Aziz berkata, walaupun kerajaan berkata suntikan vaksin Covid-19 terhadap kanak-kanak adalah tidak wajib, namun sebagai pengamal perubatan, beliau mengakui vaksin Covid-19 untuk kanak-kanak adalah wajib.

"Kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun adalah golongan yang sepatutnya diberi keutamaan untuk disuntik vaksin Covid-19 kerana mereka juga berpotensi untuk mendapat jangkitan yang teruk jika dijangkiti.

"Jangkitan Covid-19 hari ini sangat mudah berjangkit, lebih-lebih lagi dengan kehadiran varian Omicron," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL

55 kematian baharu akibat Covid-19

Ini menjadikan keseluruhan kematian disebabkan pandemik itu adalah seramai 32,488 orang

Oleh RAJA NUR FAZIE AIDA

SHAH ALAM

Kes kematian akibat Covid-19 terus mencatatkan peningkatan apabila Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan sebanyak 55 kes pada Rabu.

Menurut data KKM di portal CovidNow, sebanyak 23 daripada 55 kes kematian yang dilaporkan itu berlaku di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID).

Ini menjadikan keseluruhan kematian disebabkan pandemik itu seramai 32,488 orang, daripada lebih 3.2 juta kes positif Covid-19 yang dikesan.

Mengulas secara terperinci, kes kematian tersebut melibatkan 12 negeri dengan tertinggi direkodkan di Selangor iaitu sebanyak 10 kes.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?



Kes kematian akibat Covid-19 mencatatkan peningkatan apabila KKM melaporkan sebanyak 55 kes pada Rabu.

Ini diikuti Sabah dengan sembilan kes, Johor (8), Perak (7), masing-masing empat kes di Kedah, Melaka dan Pahang serta masing-masing tiga kes di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur, manakala satu kes direkodkan di tiga negeri melibatkan Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis.

Bagi kes BID pula, lapan kes direkodkan di Sabah, Selangor (5), masing-masing dua kes di Johor dan Pahang, serta masing-masing satu kes di Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Pulau Pinang.

Empat negeri

iaitu Sarawak, Terengganu, Labuan dan Putrajaya pula mencatatkan sifar kes kematian.

Sementara itu, menerusi portal itu juga, terdapat 277,829 kes aktif Covid-19 di seluruh negara dengan 265,339 individu atau 95.5 peratus daripadanya sedang menjalani kuarantin di rumah.

Seramai 4,460 orang pula ditempatkan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), manakala 7,725 kes dirawat di hospital dan 305 pesakit ditempatkan di unit rawatan rapi (ICU).

Kes ICU membabitkan 191 pesakit memerlukan bantuan pernafasan dan 114 lagi memerlukan mesin ventilator.

PKRC MAEPS beroperasi semula

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mengoperasikan semula Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) pada Jumaat.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, pembukaan semula PKRC MAEPS itu merupakan langkah *pre-emptive* bagi memastikan perkhidmatan hospital di Lembah Klang untuk kes bukan Covid-19 tidak terjejas.

"Kes-kes berisiko rendah akan ditempatkan di PKRC MAEPS untuk tempoh yang singkat berbanding gelombang Delta sebelum ini," katanya di sini pada Khamis.

Menurut Khairy, sebagai permulaan sebanyak 100 katil disediakan dengan kapasiti 850 katil.

"Ini adalah strategi kita dalam menguruskan kes-kes positif ketika gelombang Omicron," katanya.

PKRC MAEPS 2.0 ditutup pada 8 Februari lalu selepas 14 bulan memberi khidmatnya kepada 166,072 pesakit Covid-19 yang terdiri daripada kategori satu hingga empat.

Dalam pada itu, Khairy memaklumkan, KKM melanjutkan tempoh masa untuk penerimaan vaksin Sinovac bagi mendapatkan dos penggalak kepada 31 Mac depan.

Katanya, warga emas berusia 60 tahun ke atas yang menerima apa-apa dos primer

sebelum ini turut perlu berbuat demikian.

"Bermula 1 April, status vaksinasi lengkap akan bertukar kepada tidak lengkap sekiranya individu tersebut tidak mendapat dos penggalak," katanya.

Sementara itu, Khairy berkata, individu yang berumur 18 tahun ke atas yang telah mendapat dos penggalak dan menjadi kontak rapat tidak perlu lagi menjalani Perintah Pemantauan dan Pemeriksaan (HSO) sekiranya tidak bergejala.

Katanya, individu tersebut bagaimanapun perlu menjalani ujian RTK sendiri pada hari pertama dan ketiga dari tarikh akhir pendedahan kepada kes indeks.

"Protokol ini berkuat kuasa pada 1 Mac ini," katanya.

Menurutnya, sekiranya kontak rapat itu menunjukkan gejala pada hari pertama, individu tersebut perlu menjalani kuarantin selama lima hari.

"Jika ujian RTK sendiri menunjukkan positif, ia perlu dilaporkan kepada MySejahtera untuk dinilai dan pengendalian individu tersebut adalah berdasarkan prosedur pengurusan kes positif sedia ada," katanya.

Jelasnya, bagi individu yang telah lengkap dua dos vaksin, mereka perlu menjalani HSO selama lima hari sama ada bergejala atau tidak.

"Bagi mereka yang tiada atau tidak lengkap vaksinasi, tempoh HSO adalah tujuh hari," kata beliau.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kes baharu Covid-19 catat angka tertinggi 31,199

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR
utusannews@mediamalaysia.com.my

PUTRAJAYA: Kes baharu Covid-19 bagi negara ini kelmarin mencecah 31,199 orang, yang tertinggi sejak negara dilanda pandemik itu awal tahun 2020 dengan 305 orang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 194 kes atau 0.62 peratus daripada kes baharu itu melibatkan kategori tiga, empat dan lima.

Katanya, baki kes harian, 31,005 kes bersamaan 99.38 peratus adalah terdiri daripada kategori satu dan dua.

"Bagi 194 kes kategori tiga, empat dan lima, 92 kes melibatkan pesakit berumur 60 tahun dan ke atas; 91 kes mempunyai komorbid dan tiga kes ibu mengandung. 45 kes pula melibatkan mereka yang tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi."

"Selain itu, 108 kes telah menerima dua dos vaksin Covid-19 tetapi belum menerima dos penggalak; 41 kes sudah menerima dos penggalak," katanya dalam satu kenyataan semalam.



PETUGAS Pusat Rawatan dan Rawatan Covid-19 (PKRC) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) membuat persiapan bagi pembukaan semula pusat berkenaan ekoran peningkatan kes Covid-19.

Dalam pada itu kata Dr. Norhisham, jumlah pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan pula merekodkan peningkatan iaitu 191 kes berbanding kelmarin, 180 kes.

"Bagi kluster Covid-19 baharu pula merekodkan pening-

katan kepada 14 kluster berbanding kelmarin, sembilan kluster sekali gus menjadikan jumlah kluster terkumpul sejak pandemik melanda negara iaitu 6,746 kluster.

"Kluster aktif Covid-19 dengan jumlah terkini meningkat sebanyak 506 kluster berbanding jumlah kelmarin, 505 kluster manakala jumlah kluster yang telah tamat sebanyak 6,240 kluster berbanding kelmarin, 6,227 kluster," katanya.

Bagi kes kematian pula katanya, jumlah yang dilaporkan meningkat sebanyak 55 kes berbanding semalam, 43 kes.

Kontak rapat, lengkap penggalak tidak perlu kuarantin

PUTRAJAYA: Individu dewasa yang menerima dos penggalak dan tidak bergejala tidak perlu lagi menjalani kuarantin, berkuat kuasa Selasa ini.

Perkara itu diumumkan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dalam sidang akhbar di pejabatnya, di sini, hari ini.

Beliau turut mengumumkan sekiranya individu itu telah terima vaksinasi lengkap tetapi tidak menerima lagi dos penggalak perlu menjalani kuarantin lima hari sekiranya tidak bergejala atau bergejala.

"Bagaimanapun, bagi individu yang tiada vaksinasi ataupun tidak lengkap perlu menjalani kuarantin selama tujuh hari sekiranya tidak bergejala ataupun bergejala."

"Bagi individu di bawah 18 tahun pula, mereka yang lengkap vaksinasi, perlu menjalani kuarantin lima hari manakala yang tidak lengkap atau tiada vaksinasi, perlu kuarantin selama tujuh hari," katanya.

Khairy berkata, individu lengkap vaksinasi dan baru dijangkiti Covid-19 dalam tempoh 60 hari, tidak perlu menjalani kuarantin.

Sebelum ini, individu yang didapati menjadi kontak rapat dan belum lengkap vaksinasi, termasuk tiada suntikan dos penggalak diarahkan menjalani kuarantin selama tujuh hari.

Bagi individu yang sudah menerima suntikan dos penggalak, mereka hanya perlu menjalani kuarantin selama lima hari sekiranya didapati menjadi kontak rapat kes positif.

Jahidah positif Covid-19, dipindah wad

SEREMBAN: Wanita mangsa keganasan rumah tangga yang sebelum ini koma dipukul suaminya, Jahidah Nordin, 43, disahkan positif Covid-19 ketika dirawat di Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ) di sini.

Adiknya, Fauziah Nordin, 40, berkata, pihak hospital memaklumkan Jahidah dijangkiti Covid-19 petang semalam berikutan terdapat kes pesakit lain positif di wad sama sebelum ini.

"Menurut pihak hospital, kakak positif (Covid-19) tahap dua dan telah dipindahkan ke Wad Covid-19 petang semalam."

"Sebelum ini, memang ada kes pesakit katil sebelah kakak juga positif Covid-19, tapi saya tidak pasti berapa ramai yang positif dalam wad itu," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut Fauziah, dia bimbang memikirkan tahap kesihatan kakaknya tambahan pula



JAHIDAH Nordin bersama bayinya, J Eshan Nufail kini dipindahkan ke Wad Covid-19 selepas dijangkiti virus itu di Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban, semalam.

Jahidah belum pernah divaksin atas nasihat doktor.

"Dengan keadaan kakak Jahidah macam itu, demam tinggi

dengan 'bedsore' (kudis) baharu naik di belakang badan lagi. Dia bukan macam orang normal lain tidak boleh bercakap atau me-

rengkek kalau sakit.

"Tahun lepas memang doktor tidak berani beri suntikan vaksin Covid-19 pada kakak kerana keadaannya koma," katanya lagi.

Menurut Fauziah, memandangkan Jahidah belum divaksin pihak hospital akan membuat pemantauan selama 10 hari.

Pada 21 Januari lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan Jahidah dikejarkan ke HTJ dengan ambulans selepas tahap kesihatannya dilaporkan tidak stabil.

Jelas Fauziah, dia juga melahirkan kekecewaan apabila berlalu kes Covid-19 dalam wad hospital sedangkan pelawat perlu membuat pemeriksaan pengesanan ujian Covid-19.

"Saya hanya mampu berserah apabila menerima berita kakak positif Covid-19, lebih sedih penjaga tidak dibenarkan masuk sebelum ini," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : DALAM NEGERI

Bayi maut, suami isteri ambil tindakan undang-undang

KOTA BHARU: Sepasang suami isteri akan mengambil tindakan undang-undang terhadap Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), di sini kerana didakwa cuai sehingga bayi sulung mereka meninggal dunia, Jumaat lalu.

Bayi itu, Muhammad Hilman Firdaus Muhammad Hilmi berusia dua bulan disahkan meninggal dunia pukul 4.30 petang, selepas didakwa diberi susu rosak dan diberi ubat tidur tanpa kebenaran keluarga, selain dipaksa berpuasa lima hari.

Ibunya, Rosilawati Ismail, 26, berkata, keputusan itu dibuat demi mendapatkan pembelaan di atas kematian Muhammad Hilman Firdaus dan keluarganya sudah melantik peguam bagi kes itu.

"Setelah perjumpaan dibuat dengan pihak HRPZ II untuk mendapatkan penjelasan, kami sangat tidak berpuas hati dengan cara mereka merawat anak saya.

"Setakat hari ini kami belum lagi mengetahui punca sebenar kematian bayi kami. Malah pihak hospital memberitahu kami perlu menunggu keputusan ujian darah yang akan keluar dalam tempoh dua bulan," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu tular video di Facebook dakwaan pasangan itu bahawa anak mereka mati disebabkan kakitangan HRPZ II memaksa bayi tersebut berpuasa lima hari, selain turut diberi minum susu yang rosak dan diberikan ubat tidur tanpa kebenaran keluarga.

Menceritakan semula insiden itu, Rosilawati berkata, pada 5 Februari lalu, bayinya yang mengalami cirit-birit ditempatkan di Unit Rawatan Rapi Pediatrik (Picu) dan pada 8 Februari, keadaannya bertambah baik lalu dipindahkan ke wad biasa.

Semasa di wad biasa katanya, doktor meminta dia menukar susu anaknya kepada susu yang dibekalkan pihak hospital dengan alasan bayi itu mengalami alahan terhadap susu sedia ada.



BAYI lelaki, Muhammad Hilman Firdaus Muhammad Hilmi yang berusia dua bulan disahkan meninggal dunia Jumaat lalu ketika dirawat di HRPZ II, Kota Bharu.
- UTUSAN/ROHANA MOHD. NAWI

"Namun saya mendapati tarikh luput pada tin susu itu hampir tiba iaitu 12 Februari 2022. Malah, ketika saya membancuh susu, rasa dan rupanya meragukan seolah-olah sudah basi lalu bertanyakan kepada doktor yang merawat anak saya.

"Doktor memaklumkan susu itu masih boleh digunakan sekiranya belum berkulat. Beberapa hari kemudian keadaan anak saya makin buruk sebelum diberi ubat tidur tanpa kebenaran saya atau suami," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : FORUM



VAKSINASI merupakan ikhtiar manusia dalam mencegah penularan Covid-19 dan kesan teruk sekiranya dijangkiti. - UTUSAN/FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

Vaksinasi itu adalah ikhtiar kita

SAUDARA PENGARANG,

KITA dimaklumkan oleh pelbagai badan berautoriti yang jalan keluar terbaik daripada belenggu pandemik Covid-19 adalah menerusi vaksinasi.

Pakar-pakar kesihatan berkali-kali menyatakan tujuan utama vaksin adalah mengurangkan risiko jangkitan, keterukan sekiranya dijangkiti sekali gus menurunkan kadar kematian dan sebagai senjata ampuh dalam usaha mengawal penularan. Kegagalan mengawal kebolehsebarkan virus ini akan memberi kesan buruk kepada aspek kehidupan, baik ekonomi, sosial dan keselamatan.

Impak program imunisasi telah dibuktikan di Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) dengan penurunan ketara kes kematian harian. Di Malaysia, Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) juga begitu.

Walaupun, Allah SWT sahajalah yang Maha Berkuasa menyembuhkan setiap penyakit yang ada, namun, manusia diseru berubat dan berikhtiar mencegah dan merawat. Vaksin dilihat sebagai salah satu ikhtiar dalam mencegah diri daripada dijangkiti.

Islam menganjurkan umatnya untuk mengambil langkah pencegahan sebelum dijangkiti. Nabi SAW dalam sebuah hadis diriwayatkan Imam al-Bukhari bersabda: *"Sekiranya kamu mendengar tentang kaum yang menimpa sesuatu kawasan, maka janganlah kamu masuk ke tempat tersebut. Sekiranya ia berlaku di sesuatu kawasan dan kamu berada di dalamnya, maka janganlah kamu keluar untuk melarikan diri daripadanya."*

Baginda juga bersabda sebagaimana

diriwayatkan oleh Imam Muslim: *"Bagi setiap penyakit ada ubatnya. Apabila betul ubatnya, maka sembuhlah dengan izin Allah."*

Badan berautoriti dan sarjana Islam seluruh dunia mengharuskan penggunaan vaksin dalam usaha mencegah penularan dan keterukan jangkitan. Keharusan ini bertepatan dengan hadis Nabi SAW yang juga menjadi asas kepada kaedah fiqh: *"Tidak ada sebarang mudarat dan tidak ada juga perbuatan membalas kemudarat."*

Selain itu, keharusan ini juga selari dengan kaedah fiqh iaitu kemudarat yang lebih kecil ditanggung bagi mengelak kemudarat yang lebih besar.

Pada era khilafah Turki Uthmaniyyah, ia diamalkan secara meluas berikutan siri epidemik cacar yang menular. Rekod sejarah menunjukkan Istanbul mengalami tujuh epidemik cacar dalam tempoh 1701 hingga 1878. Ketika itu, cebisan kulit daripada individu dijangkiti diambil sebelum memindahkannya kepada individu yang diinokulasi.

Amalan ini diperhatikan oleh Lady Mary Montagu (1689-1762), isteri duta British ke Turki Uthmaniyyah yang kagum dengan keberkesannya sebelum memperkenalkannya kepada pengamal perubatan UK (sekitar 1721-1723) sementara Edward Jenner membangunkan vaksin cacar lembu pada 1789 selepas siri eksperimen berdasarkan teknik pakar perubatan Turki.

Kesimpulannya, vaksin yang diberikan oleh kerajaan telah melalui siri ujian klinikal yang sangat ketat sebelum diluluskan oleh badan-badan pengawal selia berkredibiliti.

DR. ABDUL HALIM IBRAHIM
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaysia

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

PROTOCOL UPDATE

H.S.O. EXEMPTION FOR COVID CLOSE CONTACTS

Adult close contacts are exempt from home quarantine if asymptomatic, have received booster

THARANYA ARUMUGAM
AND DHESEGAAN BALAJI KRISHNAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

ADULTS who are close contacts of Covid-19 positive patients will be exempted from the home surveillance order (HSO) if they are asymptomatic and have received a vaccine booster dose.

Health Minister Khairy Jamaluddin said however, close contacts aged 18 and above would be required to take RTK self-tests on the first and third day from the date of exposure to a Covid-19 positive case.

"They must report their positive test results on MySejahtera, then they will be attended to in accordance with existing positive case management procedures," he said at a press conference yesterday.

He said this new close contact management protocol would take effect on March 1.

He said adult close contacts who had received booster shots but present symptoms as well as those fully vaccinated with or without symptoms would be subjected to the HSO for five days.

"Symptomatic close contacts will have to undergo RTK Antigen tests, a professional one or self-test, on day five and may be discharged from HSO with a negative Covid-19 result.

"Get tested if you are symptomatic within five days from the date of exposure to a positive case. And if tested positive, report the results on MySejahtera."

He said adult close contacts, whether symptomatic or asymptomatic, with incomplete vaccination or unvaccinated against Covid-19 would have to undergo seven days of HSO.

Fully immunised close contacts under age 18, he said, would be subject to five days of HSO, while unvaccinated or not fully vaccinated adolescents would have to undergo seven days of HSO.

Khairy said people aged 18 and above who received the Sinovac vaccine for their primary vaccination and senior citizens aged



Health Minister Khairy Jamaluddin and Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah at a press conference in Putrajaya yesterday. PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

60 and above who received any type of vaccine must obtain a booster dose to keep their fully vaccinated status.

"The previously set deadline of Feb 28, 2022, is now extended to March 31, 2022. From April 1, their fully vaccinated status will be changed to incomplete if they have not received a booster dose."

In another development, Khairy announced that the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (Maeps) low-risk quarantine centre in Serdang, Selangor, will be reopened today as a preemptive measure as Covid-19 cases rose, fuelled by the Omicron variant.

"This is not because hospitals are running out of beds, but a preemptive measure. This will prevent disruptions to Klang Valley hospitals attending to the backlog of non-Covid treatments, such as elective medical procedures that have been delayed for two years."

"Thus, in an event of a surge in hospital admissions, hospitals will not be required to delay or stop attending to non-Covid cases."

He said the Maeps centre would resume operation with a capacity of 100 beds and a buffer capacity of 800 additional beds.

Meanwhile, Khairy said of the 194 cases under Category 3, 4 and 5 reported Wednesday, 153 cases (78.87 per cent) were unvaccinated, had incomplete vaccination or had received two doses of vaccine, but not a booster.

Of the 194 cases, he said, 45 cases (23.2 per cent) were not vaccinated or not fully vaccinated, 108 cases (55.67 per cent) had received two doses of Covid-19 vaccine but did not receive a booster shot and 41 cases (21.13 per cent) had received a booster dose.

He said 65.6 per cent of hos-

pitalisations on Wednesday involved patients in Category 1 and 2 and 34.4 per cent in Category 3, 4 and 5.

"There is a difference between the data of daily Covid-19 hospital admissions compared with daily new cases."

"This is due to the dynamic condition of patients that may deteriorate or improve throughout the Covid-19 infection."

"There are also high-risk Covid-19 cases from Category 1 and 2 that required pre-emptive admission to quarantine centres and hospitals."

Khairy said while there was an increase in hospital admissions, discharges from hospitals also rose sharply, as the majority of cases did not become serious.

Therefore, he said, intensive care unit (ICU) admissions had only risen slightly and were already declining to low levels.

"The number of ICU admissions and Covid-19 deaths is 80 to 90 per cent lower than what was reported in August last year, although the number of cases at the moment is higher."

He said although Malaysia was seeing an increase in daily cases and hospitalisations, Covid-19 vaccines have proven to be effective in protecting people from severe infections.

"This is evident in adults and seniors who have received booster doses and adolescents who are fully vaccinated with two doses."

"This is why we only saw a slight increase in ICU admissions and deaths due to Covid-19."

"Serious Covid cases are highest among unvaccinated individuals. And booster doses clearly reduce the risk, especially for the elderly."

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : STORY OF THE DAY / NEWS

'RECALIBRATING STRATEGY'

MAEPS PKRC TO REOPEN ON FRIDAY

It will operate at a smaller capacity of about 800 patients, less than a month after it closed

NOOR ATIQA SULAIMAN
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

THE Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) Covid-19 Quarantine and Low-Risk Treatment Centre (PKRC) will reopen on Friday, less than a month after it was officially closed on Feb 8.

It will operate at a far reduced capacity than before, said National Disaster Management Agency (Nadma) director-general Datuk Dr Aminuddin Hassim.

He said the PKRC housed up to 5,000 Covid-19 patients before, but would take in only about 800 people this time.

"The government is recalibrating its strategy for the MAEPS PKRC. It will be in a different location from the block used before."

"The PKRC is technically still within MAEPS. But its size, building, function and team will be different. With about 800 pa-

tients, the number is much smaller and more manageable."

MAEPS had served as the main Covid-19 treatment and quarantine centre in the Klang Valley, treating 166,072 patients in its 14 months in operation, massively reducing the burden on hospitals in Peninsular Malaysia.

Facilities at the centre include a

clinic, wards for Covid-19 patients, resuscitation room, ambulances, a pharmacy, X-ray rooms and a pathological laboratory.

Aminuddin said the MAEPS PKRC would likely be used to treat Covid-19 patients at the state level as the size of the new site was much smaller than MAEPS 2.0.

On another matter, Aminuddin

said Nadma was ready to help the Health Ministry address the rise in Covid-19 cases through the 43 PKRC nationwide.

Rumours that MAEPS was being prepared for reopening gained traction on social media after the Kajang Municipal Council shared a post about its personnel preparing facilities at the centre.

On Wednesday, Malaysia registered 31,199 new Covid-19 cases, the highest single day tally since the pandemic began.

Page 1 pic: A worker preparing for the reopening of the Malaysia Agro Exposition Park Serdang Covid-19 Quarantine and Low-Risk Treatment Centre yesterday.



Preparatory work being carried out for the reopening of the Malaysia Agro Exposition Park Serdang Covid-19 Quarantine and Low-Risk Treatment Centre in Serdang yesterday.
PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NEWS / OPINION

HICCUP IN MANILA

Asean needs a vaccination certification recognition process

As a regular visitor to the Philippines prior to the pandemic, I feel for the handful of Malaysians who got themselves stranded at Manila Airport earlier this month through little fault of their own.

It must have been deeply frustrating, perhaps even terrifying, to be held back at the airport, with the threat of deportation hanging over them, over a whole weekend, while others of various other nationalities on the same flight were waved through Immigration.

Were these Malaysians on some Interpol criminal watchlist? No.

Their only fault was that their MySejahtera digital certificates confirming their fully vaccinated status did not show up on the screens of the attending Philippine Immigration officers as officially recognised by their government and therefore not valid for entry into the country.

Hello. What is wrong here? There was obviously a bureaucratic foul-up somewhere, but I am not blaming just the Philippine authorities.

JOHN
TEO

True, like other countries, the Philippines is cautiously but surely opening up its borders as the health threats posed by the pandemic wane.

With the majority of people in most countries now properly inoculated and boosted, foreign visitors are being welcomed back with none of the onerous restrictions that used to attend to anyone contemplating cross-border trips.

Given such travel relaxations by national authorities, is it not prudent for all countries concerned to be proactive by ensuring that the vaccination certifications from countries with direct flights into

their countries are at least officially recognised first before visitors from a country where a particular flight originates are even allowed to board their flight?

This is where I think Malaysia and the Philippines can learn from this unfortunate incident lest it is repeated elsewhere as other national borders open up.

I can see that there was something of a tit for tat going on over the matter of mutual recognition of the vaccination certifications of Malaysia and the Philippines.

